



Pemain Terengganu (jersi putih) **cuba melepasi** pemain Sabah pada perlawanan hoki di Kompleks Sukan Negeri Perlis, semalam. [FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

Wie Chia mahu tiru Boon Huat



Kangar: Saya mahu jadi seba-
gus mendi-
ang Chua
B o o n
Huat!

Itu kata pertahanan skuad hoki Terengganu dan juga satu-satunya pemain keturunan Cina dalam pasukan itu, Thung Wie Chia yang memulakan langkah untuk menggapai impi-
annya dengan menyertai SUKMA buat kali kedua.

"Saya sebenarnya cuba meniru atau menjadi seperti mendiang Chua," ka-

tanya ketika ditemui selepas perlawanan pertama Kumpulan A menentang Sabah yang berkesudahan pasukannya, menang 4-0 semalam.

Harap bermain baik

"Saya harap dapat bermain lagi bagus untuk menjadi seperti mendiang. Harap-harap dengan kesungguhan saya, satu hari nanti dapat menjadi sepertinya," katanya yang turut menyarung jersi nombor tiga, sama seperti mendiang.

Mengulas mengenai kemenangan pertama buat pasukan juara ber-

tahan itu, Wie Chia berkata: "Sebelum ini, ketika di SUKMA 2012 di Pahang, kami meraih pingat emas dan saya berharap dapat mengekalkan kejuaraan itu.

Gol jaringan pasukan negeri dari Pantai Timur Semenanjung itu dihasilkan Mohamad Shazwi Rani pada minit ke-6, Mohamad Khairul Anuar Zakaria (m-19), diikuti Muhammad Sufi Ismat Rohulamin (m-36) dan Mohammad Zainulru-
syaidi (m-56).

Petang ini Terengganu dijadual berdepan Perak di Kompleks Sukan Negeri (KSN), Kangar.